

Berita Manmin

NO. 31 17 DISEMBER 2023

Menghargai perkara yang paling kecil sekalipun

Seseorang sangat bergembira walaupun mendapat hadiah yang kecil dan mengucapkan syukur sebaliknya seorang lagi mengeluh mengatakan benda itu bukan keinginan hatinya. Hal ini mendapat tanggapan yang lebih baik daripada pemberi kerana ekspresi gembira dan berterima kasih.

Begitu juga hubungan antara Tuhan dengan manusia. Tuhan hadir bersama anak-anak yang mengasihi Dia dan dengan lembut menyatakan kasih-Nya kepada mereka pada setiap masa.

Pertolongan dan berkat-Nya yang lebih besar akan datang kepada kita apabila kita menganggap sesuatu adalah berharga sekalipun hanya perkara terkecil. Rasakanlah rahmat dan kasih Tuhan yang terkandung di dalamnya dan hargainya dengan segenap hati.

“Bersyukurlah kepada TUHAN kerana Dia baik; kasih-Nya kekal!” (Mazmur 107:1)



Ahad Kesyukuran dan Perjamuan Suci



Pada 19 November 2023, ibadat Ahad Kesyukuran disiarkan secara langsung menerusi GCN TV dan YouTube. Kita memberikan kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan atas rahmat dan berkat-Nya yang melimpah-limpah.

Pada hari Ahad Kesyukuran yang dahulunya ialah Perayaan Menuai (Keluaran 23:16), kita memberikan kesyukuran kepada Tuhan atas hasil yang telah kita kumpulkan daripada jerih payah kita pada akhir tahun.

Dalam ibadat pagi, Pastor Kanan Jaerock Lee menyampaikan khutbah yang bertajuk “Pekerja yang Bersiap Sedia” (Lukas 10:2). Dalam ibadat petang, Pemangku Pastor Kanan Soojin Lee menyampaikan khutbah yang bertajuk “Bagaimana untuk masuk dan bersukacita bersama-sama tuanmu” (Matius 25:19-21; 26:26-28). Kemudian, beliau merasmikan Perjamuan Kudus yang dengannya anggota Manmin makan roti dan minum anggur yang melambangkan tubuh dan darah Tuhan Yesus.

Pembaptisan air dilakukan seminggu sebelum Ahad Kesyukuran manakala katekisme dalam persediaan untuk pembaptisan air dilakukan dua minggu sebelumnya.

Pastor David Jang mengadakan perjumpaan kebangkitan dan persidangan pastor di Cartagena, Colombia

Dari 22 hingga 25 Oktober, Pastor David Jang mengadakan perjumpaan kebangkitan dan persidangan pastor di Cartagena, yang merupakan salah satu pelabuhan utama di pantai utara Colombia. Pastor Jang selaku Penggerusi Gereja Kesucian Bersatu Yesus Kristus di Amerika Latin, menyampaikan khutbah yang bertajuk “Mengapakah Yesus ialah Satu-satunya Penyelamat” di Gereja Las Palmeras dan Gereja Mansion de Cristo (Foto 2), serta Gereja Amor Fraternal (Foto 3). Selepas khutbah, beliau berdoa untuk orang ramai dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) lalu mereka memberikan kesaksian bagi kesembuhan mereka.

Dalam persidangan pastor, beliau menyampaikan khutbah yang bertajuk “Pastor dalam era Roh Kudus” dan mendedahkan sikap dan nilai rohani yang betul bagi pastor dalam pelayanan (Foto 1).





Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

“Apabila anda menerima Yesus Kristus dan bertindak menurut Firman Tuhan, anda dapat mempunyai hubungan dengan Tuhan yang merupakan Cahaya. Kemudian, darah Yesus Kristus membersihkan anda daripada segala dosa dan anda dapat menjalani kehidupan yang memuliakan Tuhan.

Tahap persekutuan dapat menentukan tahap keintiman rohani dan kasih yang dikongsikan antara orang dan cara mereka bekerja bersama-sama. Jika anda mempunyai persekutuan dengan Tuhan Yang Maha Kuasa, anda dapat menerima apa-apa sahaja yang anda minta daripada-Nya dan semua perkara akan berjalan dengan lancar bagi anda. Sekarang marilah kita meneliti persekutuan yang perlu kita ada dengan Tuhan.

1. Bersekutu dengan Tuhan seperti yang Dilakukan oleh Nenek Moyang Iman

Daud mengasihi, menghormati dan bergantung kepada Tuhan dengan sepenuhnya. Ketika dia melarikan diri daripada Raja Saul dan ketika dia bertarung dalam perperangan, dia bertanya kepada Tuhan bagi setiap perincian dan mengikuti kehendak-Nya. Itulah sebabnya dia dapat mencapai kejayaan ke mana-mana sahaja dia pergi (2 Samuel 5:19-25). Sebab Daud dapat mempunyai persekutuan yang sedemikian dengan Tuhan yang merupakan Cahaya adalah kerana dia menyenangkan hati Tuhan dengan iman.

Dalam 1 Samuel 17, orang Filistin menyerang Israel semasa pemerintahan Saul. Seorang juara gergasi bernama Goliat datang daripada tentera Filistin lalu mencabar tentera Israel dan menyalahgunakan nama Tuhan. Namun begitu, tiada orang yang berani keluar untuk bertarung dengannya. Daud masih kecil pada masa itu tetapi dia percaya kepada Tuhan Yang Maha Kuasa dan percaya bahawa perperangan ialah milik Tuhan. Oleh itu, dia dengan yakin pergi ke arah Goliat dengan sebuah alih-alih dan lima biji batu demi nama TUHAN.

Daud menghumbangkan sebiji batu ke arah Goliat lalu Tuhan membuatkan batu itu kena pada dahi Goliat sehingga pecah tengkoraknya. Goliat rebah dengan mukanya ke tanah lalu mati. Sekarang perperangan itu berpihak kepada Israel lalu Israel mencapai kemenangan

Tuhan Ialah Cahaya (3)

Hidup dalam Cahaya

“Inilah berita yang telah kami dengar daripada Anak-Nya dan yang kami isytiharkan kepada kamu: Allah itu cahaya, dan pada-Nya tidak ada kegelapan sama sekali” (1 Yohanes 1:5).

yang besar. Oleh sebab Daud mempunyai iman yang begitu teguh, dia diiktiraf oleh Tuhan sebagai orang yang berkenan pada-Nya dan melakukan segala perkara bersama Tuhan, sama seperti bapa dan anak yang bekerja bersama-sama.

Musa juga mempunyai persekutuan yang sangat erat dengan Tuhan sehingga Tuhan berfirman kepada Musa secara bersemuka seperti seseorang bercakap dengan kawannya. Apabila Musa meminta Tuhan untuk menunjukkan kemuliaan-Nya, Tuhan mahu memenuhi keinginan hati Musa dalam apa-apa cara yang mungkin (Keluaran 33:11-23).

Dalam Keluaran 32, Musa mempunyai komunikasi dengan Tuhan di Gunung Sinai selama 40 hari. Apabila dia menunda turun dari gunung, orang Israel membuat sebuah patung dan menyembahnya sebagai tuhan yang akan memimpin mereka. Tuhan melihat perkara ini dan memberitahu Musa bahawa Dia akan membinasakan mereka dan menjadikan Musa sebagai satu bangsa yang besar. Namun begitu, Musa berkata kepada Tuhan dalam Keluaran 32:32, “Ampunkanlah dosa mereka; jika tidak, hapuskanlah namaku dari kitab yang Engkau tuliskan dengan nama-nama umat-Mu.”

Oleh sebab Musa menyenangkan hati Tuhan dengan kasih dan kerendahan hati yang besar (Bilangan 12:3), dia dapat mempunyai persekutuan yang mendalam dengan Tuhan. Oleh itu, mempunyai persekutuan dengan Tuhan yang merupakan Cahaya bermaksud mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Tuhan seperti Daud dan Musa. Dengan persekutuan seperti ini, kita dapat menerima apa-apa yang kita minta berdasarkan hubungan kepercayaan.

Walau bagaimanapun, ramai orang tersilap menganggap bahawa mereka mempunyai persekutuan dengan Tuhan walaupun mereka sekadar mempunyai pengetahuan tentang Firman Tuhan. Jika kita mengetahui Firman Tuhan tetapi tidak bertindak berdasarkannya, kita tidak dapat membawa kekuatan-Nya turun dari syurga dan Dia juga tidak dapat menjamin kita. Jawapan bagi doa kita juga akan tertangguh.

Selain itu, kita mestilah setia secara rohani dan juga secara fizikal. Kesetiaan rohani bermaksud penyunitan hati kita

dan pemupukan keadilan, belas kasihan dan kesetiaan dalam hati kita.

Matius 23:23 menyatakan, “Alangkah malangnya kamu guru Taurat dan orang Farisi! Kamu munafik! Kamu memberikan sepersepuluh daripada berbagai-bagai jenis rempah seperti selasih, adas manis, dan jintan kepada Allah. Tetapi kamu tidak mentaati ajaran Taurat yang betul-betul mustahak seperti keadilan, belas kasihan, dan kesetiaan. Semua perkara ini harus kamu lakukan, tanpa melalaikan ajaran yang lain.”

Untuk mencapai keadilan, belas kasihan, dan kesetiaan adalah dengan menyunatkan hati kita. Perkara-perkara ini merupakan ketentuan hukum yang lebih berat.

Sudah tentu, seperti yang dikatakan, “Semua perkara ini harus kamu lakukan, tanpa melalaikan ajaran yang lain,” kita juga perlu mengamalkan perkara-perkara asas seperti menghadiri ibadat penyembahan dan memberikan persepuhan penuh. Namun begitu, maksud petikan ini adalah bahawa kita mesti tahu dan dapat menyatakan apa yang lebih penting serta bagaimana kita dapat melakukannya.

Tuhan berkata dalam Imamat 11:45, “Hendaklah kamu suci kerana Aku suci.” Yesus juga berkata dalam Matius 5:48, “Kamu harus mengasihi semua orang, seperti Bapa kamu yang di syurga mengasihi semua orang.” Oleh itu, untuk mempunyai persekutuan dengan Tuhan yang merupakan Cahaya seperti yang dilakukan oleh nenek moyang iman, kita perlu menyerupai Tuhan yang suci dan sempurna dengan menyunatkan hati kita dan mempunyai iman yang menyenangkan hati Tuhan.

2. Latar Belakang Alkitabiah tentang Sunat dan Penyunatan Hati

Sunat ialah pemotongan kulit luar alat kelamin lelaki yang diamalkan sebagai upacara keagamaan oleh orang Yahudi. Tuhan memerintahkannya kepada Abraham untuk kali pertama dan menetapkannya sebagai tanda kekal daripada perjanjian antara Tuhan dan orang Israel. Tuhan memerintahkan setiap lelaki harus disunat secara turun-temurun, dan mana-mana lelaki yang tidak disunat bukan umat Tuhan. Hal ini membayangkan bahawa perintah mengenai sunat merupakan perkara yang sangat penting yang berkait secara langsung dengan keselamatan (Kejadian 17:9-14).

Ibrani 10:1 menyatakan, “Taurat orang Yahudi bukanlah gambaran lengkap dan sempurna tentang perkara-perkara yang sebenarnya, tetapi hanya bayangan daripada perkara-perkara baik yang akan datang.” Dalam petikan ini, “Taurat” ialah Perjanjian Lama manakala “bayangan daripada perkara-perkara baik yang akan datang” ialah Perjanjian Baru, iaitu berita baik daripada Yesus Kristus. Hal ini menunjukkan bahawa perintah mengenai “sunat”

terpakai untuk semua orang dalam zaman Perjanjian Baru, termasuk kita juga. Namun begitu, ia tidak merujuk kepada penyunatan fizikal sebaliknya penyunatan rohani. Penyunatan rohani ialah penyunatan hati (Ulangan 10:16, 30:6; Roma 2:28-29).

Seperti yang dinyatakan dalam bahagian awal Yeremia 4:4, “Peganglah perjanjian kamu dengan Aku, TUHAN kamu; khaskanlah diri kamu untuk Aku,” tindakan membuang kulit luar hati kita ialah penyunatan hati, yakni mentaati Firman Tuhan yang memerintahkan kita untuk lakukan, jangan lakukan, kekalkan, dan singkirkan. Namun begitu, penyunatan hati tidak dilakukan dengan tindakan sekali sahaja. Anda tidak dapat menyunatkan hati anda semalam hanya kerana anda telah menerima Roh Kudus. Anda perlu berterusan menyunatkan hati anda sehingga anda sepenuhnya memulihkan gambaran Tuhan yang hilang.

Pertama sekali, anda mesti membuang ‘kerja badani’, iaitu semua dosa yang dinyatakan secara zahir dalam perbuatan. Jika anda masih merokok atau minum minuman keras, anda mesti berhenti daripada melakukannya. Jika anda mudah berasa marah, anda perlu menyingkirkan kemarahan dan menjadi orang yang lemah lembut.

Selepas anda menyingkirkan dosa yang keluar dalam bentuk tindakan fizikal, anda mesti menyingkirkan sifat berdosa yang tersembunyi dalam hati anda yang dipanggil ‘perkara badani’. Apabila anda berusaha dengan doa yang bersungguh-sungguh dan berpuasa serta menerima rahmat dan kekuatan daripada Tuhan serta menerima pertolongan daripada Roh Kudus, anda dapat mencabut semua sifat berdosa termasuklah yang anda warisi daripada ibu bapa anda. Hanya apabila anda mencabut badani yang termasuk semua sifat berdosa yang bergabung dengan tubuh anda, barulah anda dapat menghentikan fikiran badani dan menerbitkan keharuman Kristus.

Seterusnya, anda mesti menyingkirkan perkara-perkara yang jahat pada pandangan Tuhan. Perkara-perkara tersebut merupakan kerangka kebenaran diri dan pemusatan diri. Berkenaan perkara-perkara yang mungkin anda anggap sebagai benar, Tuhan mungkin tidak menganggapnya sebagai betul bahkan memandangnya sebagai jahat. Sebagai contoh, pada malam Yesus ditangkap, Petrus menyerang Malkhus, hamba Imam Agung, dengan sebilah pedang lalu memotong telinga kanannya. Petrus melakukannya kerana dia mahu melindungi Gurunya daripada bahaya, tetapi hal ini adalah tidak benar.

Menguduskan Hari Tuhan Yesus, memberikan persepuhan, dan berdoa merupakan perkara asas yang perlu kita lakukan sebagai orang Kristian selepas kita menerima Yesus Kristus dan menerima Roh Kudus.



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com

Selain itu, jika anda mahu mempunyai persekutuan dengan Tuhan bahkan mempunyai hubungan yang cukup erat untuk membincangkan pekerjaan Tuhan dengan-Nya, anda mesti hidup dalam Cahaya kerana Tuhan ialah Cahaya.

Hanya dengan demikian darah Yesus Kristus dapat membersihkan anda, bahkan Tuhan akan mendedahkan nasihat rahsia-Nya kepada anda sebagaimana yang dinyatakan dalam Amos 3:7, "TUHAN Raja tidak pernah melakukan sesuatu pun tanpa menyatakan rancangan-Nya kepada para nabi, hamba-hamba-Nya."

3. Sebab Anak-anak Tuhan Mesti Hidup dalam Cahaya

Anak-anak Tuhan yang menerima Yesus Kristus berkata dalam doa, "Ampunilah kesalahan kami, seperti kami mengampuni orang yang bersalah terhadap kami" seperti yang diajar Yesus dalam Matius 6:12.

Jika anda tidak memaafkan saudara anda tetapi anda ingin diampunkan dosa oleh Tuhan, hal ini adalah tidak betul. Oleh itu, jika anda mahu diri anda dibersihkan daripada dosa dengan darah Yesus Kristus, anda sendiri mesti hidup dalam Cahaya terlebih dahulu (1 Yohanes 1:7).

Tambahan pula, Tuhan memerintahkan anda untuk menyunatkan hati anda kerana anda mungkin masih mempunyai sifat berdosa di dalam hati anda walaupun dosa anda telah diampunkan melalui rahmat penebusan Yesus. Apabila anda hidup dalam Cahaya, anda dapat keluar daripada kegelapan dan menerima berkat sebagai anak-anak Tuhan. Itulah sebabnya Tuhan kadangkala memurnikan atau menghukum anda dengan ujian supaya anda dapat menuju jalan yang betul.

Jadi, bagaimakah darah Yesus dapat membersihkan kita daripada segala dosa kita? Yesus berkata dalam Yohanes 6:53-54, "Apa yang Aku katakan ini benar: Jika kamu tidak makan tubuh Anak Manusia dan minum darah-Nya, kamu tidak akan benar-benar hidup. Sesiapa yang makan tubuh-Ku dan minum darah-Ku mempunyai hidup sejati dan kekal, lalu Aku akan membangkitkan dia pada Hari Kiamat."

Dalam petikan ini, 'Anak Manusia' merujuk kepada Yesus manakala 'tubuh Anak Manusia' ialah Firman Tuhan yang merupakan kebenaran (Yohanes 1:1, 14). Oleh itu, 'makan tubuh Anak Manusia' bermaksud menjadikan Firman Tuhan yang tertulis dalam 66 buku Alkitab sebagai makanan rohani dalam kehidupan kita. 'Minum darah Anak Manusia' bermaksud dengan tulus percaya kepada Firman Tuhan dan mengamalkannya.

Apabila kita menjadikan Firman Tuhan sebagai makanan rohani dalam kehidupan kita dan bertindak menurutnya, kebenaran akan datang kepada kita lalu akan dicerna dan diserap, serta semua dosa akan disingkirkan. Kemudian, kita dapat menjadi orang yang benar dan memperoleh kehidupan kekal.

Katakan kita menanamkan sifat yang benar seperti kasih di dalam hati kita dan cuba bertindak menurutnya. Kemudian, kasih itu akan diserap lalu elemen jahat seperti kebencian dan cemburu akan disingkirkan. Kita kemudian dapat mencapai kasih di dalam hati kita. Sejauh mana kita menarik keluar dan menyingkirkan semua sifat jahat dengan cara demikian, kita dapat mencapai hati yang lebih bersih.

Proses untuk menjadi manusia roh dan kebenaran merupakan proses membina persekutuan dengan Tuhan Yesus. Melalui persekutuan itu, kita dapat menjadi manusia rohani yang hidup dalam Cahaya.

Apabila anda menerima Yesus Kristus, anda dapat mempunyai persekutuan dengan Tuhan yang merupakan Cahaya dengan bertindak menurut Firman Tuhan. Kemudian, darah Yesus Kristus dapat membersihkan anda daripada segala dosa.

Hanya apabila anda menjadi manusia rohani yang hidup dalam Cahaya barulah anda dapat benar-benar memuliakan Tuhan dalam kehidupan anda. Jika anda mendorong diri anda untuk hidup sepenuhnya dalam Cahaya, anda akan dapat mempunyai persekutuan yang lebih dalam dan lebih intim dengan Tuhan. Kemudian, seperti Abraham yang dipanggil sebagai sahabat Tuhan, tidak akan ada rahsia di antara Tuhan dan anda.

Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar anda akan hidup dalam Cahaya pada setiap masa dengan iman yang menyenangkan hati Tuhan, menerima kasih dan pengiktirafan Tuhan, serta memberikan kemuliaan kepada-Nya.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
 (Poskod: 07056)
<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>
www.manminnews.com
 E-mel: manminhq@manmin.kr
 Penerbit: Dr. Jaerock Lee
 Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Triniti: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui "Pengakuan Iman Rasul" pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.


Khas

Rahmat Tuhan tercurah ke atas kita

Pada Ahad Kesukuran, buah-buahan, bijirin dan sayur-sayuran yang berkualiti tinggi diletakkan di atas mazbah dan dihias dengan cantik. Semua ini mengingatkan kita kepada rahmat Tuhan yang melimpah-limpah dan buah berkat yang terhasil dalam bentuk rohani dan fizikal.



Memperingati hari Ahad Kesukuran, marilah kita meneliti jenis rahmat yang telah datang kepada kita oleh Tuhan Yang Maha Kasih yang memenuhi keperluan anak-anak-Nya dengan perkara-perkara yang terbaik.



Rahmat 1 Tuhan memandang kita dengan mata kasih

Apabila Tuhan merancang untuk memupuk manusia, Dia telah mengetahui terlebih dahulu apa yang akan berlaku pada masa hadapan. Apabila Dia membentuk manusia pertama, Adam, dan memberikannya kehendak bebas, Dia juga tahu bahawa Adam akan mengkhianati-Nya dan banyak keturunannya menentang Tuhan.

Pada masa yang sama, Tuhan berharap untuk memperoleh anak-anak yang mengasihi Tuhan dengan tulus, dan Dia tidak pernah berputus asa dalam rancangan-Nya untuk pemupukan manusia. Dari penciptaan manusia sehingga ke hari ini, tidak terkira banyaknya manusia telah lahir dan mati. Tuhan memperhatikan mereka semua dengan hati yang setia dan menjaga kehidupan

mereka dengan kasih.

Dia mengasihi mereka sehingga ke tahap meletakkan Anak tunggal-Nya di atas kayu salib. Tuhan dengan setia memandang jiwa-jiwa di bumi ini dengan mata kasih dan kehangatan. Begitu juga pada hari ini. Kasih-Nya yang berterusan terukir dalam hati orang yang mendambakan kasih-Nya.

Walaupun kita berasa bersalah atas kelemahan kita, Tuhan tidak menghiraukannya tetapi dengan sabar menunggu perubahan kita dengan memikirkan kelebihan kita dan pastinya dapat diubah dan disempurnakan. Berkat mata kasih Tuhan, kita dapat berlari dalam perlumbaan iman sehingga sekarang.

Rahmat 2 Tuhan hadir bersama kita dengan pertolongan-Nya

Orang yang percaya kepada Yesus Kristus tidak mempunyai kekhawatiran kerana mereka menerima apa-apa yang diminta oleh mereka demi nama Tuhan Yesus. Sama ada besar atau kecil, Tuhan Yang Maha Kuasa memberikan jawapan bagi doa mereka dan membantu mereka.

Mereka dapat menjadi kuat dan berani dalam situasi yang sama di mana orang dunia mungkin gementar ketakutan. Mereka tidak berputus asa tetapi mempunyai pengharapan walaupun dalam keadaan yang mengecewakan. Hal ini demikian kerana Tuhan tidak pernah meninggalkan mereka walaupun semua orang berpaling daripada mereka.

Apabila menghadapi sebarang masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh mereka, hal itu

menjadi mungkin dengan pertolongan Tuhan dan mereka dapat berada dalam keselesaan dan kedamaian-Nya. Tiada apa-apa yang dapat kita lakukan sendiri: menyengkirkan dosa dan disucikan, mencapai iman roh dengan kesungguhan, dan berseru dalam doa, dan sebagainya. Segala-galanya mungkin hanya dengan rahmat dan kekuatan Tuhan serta melalui pertolongan dan bimbingan Roh Kudus.

Tuhan memberikan kekuatan kepada sesiapa yang bersedia untuk berdoa dengan segenap hati, dan menghiburkan orang yang patah hati. Apabila kita bersungguh-sungguh ingin diubah, Tuhan membantu kita untuk menemukan diri kita melalui kebenaran, dan menguatkan kita untuk hidup menurut firman-Nya.

Rahmat 3 Tuhan mendakap kita dengan kasih-Nya

Hanya dalam kehangatan kasih Tuhan Bapa, anak-anak-Nya tidak takut apa-apa. Di dalam dunia yang penuh dengan masalah dan kesusahan, mereka mendapat rehat yang sejati dan menikmati kedamaian kerana mereka menyerahkan segala kekhawatiran mereka kepada-Nya melalui doa dan permohonan.

Sesetengah orang berkata bahawa mereka ialah anak Tuhan tetapi tidak merasakan kasih-Nya sehingga mereka gagal untuk berada dalam kehangatan kasih-Nya. Mereka takut akan Tuhan dan menjauhkan diri mereka daripada hadirat Tuhan. Tuhan mengasihi mereka tanpa berubah tetapi mereka merasakan bahawa Dia jauh daripada mereka akibat terbinanya penghalang dosa yang menentang Tuhan. Kadangkala mereka merasakan beban dosa terlalu berat untuk mereka bertaubat daripada dosa-dosa mereka.

Mereka seolah-olah bertaubat dengan mulut tetapi gagal bertaubat dengan segenap hati kerana roh pertaubatan tidak datang kepada mereka.

Mereka berterusan berasa sangat kecwea dan bermasalah sehingga mereka tidak menjalani kehidupan Kristian yang gembira. Hanya apabila roh pertaubatan datang kepada mereka dan mereka bertaubat dengan segenap hati mereka barulah mereka tidak lagi menganggap Tuhan sebagai Hakim yang mengerikan, sebaliknya merasakan kasih dan kehangatan kasih Tuhan yang mendakap dan menguatkan mereka.

Oleh sebab mereka mengasihi Tuhan, mereka mentaati firman-Nya dan mematuhi perintah-perintah-Nya dengan suka cita untuk menyenangkan hati-Nya. Pengharapan mereka untuk syurga tidaklah samar sama sekali. Mereka menyimpan harapan yang sangat jelas untuk masuk ke syurga. Mereka menjadikan kota Jerusalem Baru iaitu tempat yang terbaik di syurga sebagai matlamat mereka kerana mereka merindui Tuhan Bapa, mempunyai kerinduan untuk melihat wajah-Nya, dan rindu untuk berada dalam pelukan-Nya.



“Sembuh daripada osteoporosis, sakit belakang hilang, dan tulang belakang yang bongkok diluruskan”

Diaken Kanan Changsoon Won
(Usia 68, Paroki Cina 2 di Gereja Pusat Manmin)

Pada 16 Jun 2023, saya mengalami sakit belakang yang teruk ketika pergi bekerja pada waktu pagi. Sangat sulit untuk saya berjalan pada hari itu. Pada hari keesokannya, kesakitan itu begitu serius sehingga saya pergi ke hospital. Pemeriksaan hospital menunjukkan bahawa tulang belakang pecah.

Doktor mengatakan bahawa tulang belakang pecah akibat osteoporosis dan hal ini akan menyebabkan strok sekiranya tanpa rawatan ubat. Doktor menggesa saya untuk menjalani pembedahan dengan segera. Dia meminta saya untuk tidak bergerak selama sebulan walaupun selepas pembedahan dan kemudian mendapatkan terapi fizikal selama tiga bulan tanpa melakukan apa-apa kerja.

Namun begitu, saya sedikit pun tidak berasa takut. Saya telah menyaksikan begitu ramai orang sembah daripada penyakit mereka oleh kuasa Tuhan. Selain itu, saya sembah daripada penyakit cakera tulang belakang oleh doa Pastor Kanan Jaerock Lee apabila saya menyertai Gereja Pusat Manmin, dan penglihatan saya dipulihkan sehingga saya kemudiannya tidak lagi memakai cermin mata.

Saya berazam dan merancang untuk disembuhkan oleh kuasa Tuhan dalam retret musim panas yang penuh dengan jawapan dan berkat daripada Tuhan dan dalam Perjumpaan Doa Daniel.

Saya menghadiri Perjumpaan Doa Daniel dan berdoa untuk kesembuhan ilahi melalui iman. Saya mula merenung masa lalu saya dengan berpandukan firman Tuhan. Semasa Perjumpaan Doa Nazar Daniel selama 21 hari sebagai persiapan untuk Perjumpaan Kesembuhan Ilahi, saya bertaubat dengan sepenuhnya dan dengan linangan air mata kerana tidak melaksanakan tugas yang diberikan Tuhan kepada saya akibat pandemik COVID 19 dan terbantut dalam iman.

Pada 16 Julai, saya menghadiri Perjumpaan Doa dengan Kepenuhan Roh Kudus yang dianjurkan oleh paroki saya lalu saya menerima doa Puan

Boknim Lee, Presiden Pusat Doa Manmin. Pada masa itu, seluruh tubuh saya terbakar oleh api Roh Kudus lalu sakit belakang saya yang teruk hilang sepenuhnya.

Kesembuhan daripada sakit belakang mendorong saya untuk lebih bersungguh-sungguh bersedia bagi kesembuhan tulang belakang yang bongkok dalam retret musim panas. Pekerjaan dobi selama 10 tahun menyebabkan tulang belakang saya bongkok. Saya sangat ingin disembuhkan dan berdoa bersungguh-sungguh dengan persiapan untuk menghadiri retret musim panas.

Pada 31 Julai, saya menaiki bas bersama-sama ramai anggota Manmin. Kami menyanyikan lagu pujian kegembiraan di dalam bas dalam perjalanan ke lokasi retret. Pada satu ketika, tulang belakang dan pinggang saya terasa panas terbakar lalu saya yakin akan kesembuhan saya.

Pada malam pertama acara tersebut, Pemangku Pastor Kanan memimpin Perjumpaan Kesembuhan Rohani dan Seminar. Saya benar-benar berasa tersentuh oleh khutbah beliau lalu bertaubat kerana tidak bertindak dengan iman. Apabila beliau berdoa untuk orang sakit dari podium, saya menerima doa beliau dengan iman.

Kemudian, saya bergerak ke hadapan untuk menerima doa sapu tangan oleh Puan Boknim Lee (Kisah Rasul-rasul 19:11-12). Api Roh Kudus memenuhi tubuh saya seolah-olah seseorang sedang menyentuh tulang belakang saya. Saya merasakan tulang belakang saya dingin lalu diluruskan dengan serta-merta. Haleluyah!

Perkara ini sangat menakjubkan dan mengagumkan. Kasih Tuhan Bapa yang besar memenuhi hati saya sehingga saya mendambakan penyucian hati dan pengharapan untuk masuk ke Yerusalem Baru menyelubungi diri saya.

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa Yang Maha Kasih yang memberkati saya untuk mengalami pekerjaan Roh Kudus dan bertemu dengan Tuhan Yesus, Penyembuh kita.



“Sembuh daripada kayap”

Deaconess Soonok Baek
(Aged 62, Parish 4 in Manmin Central Church)

Sejak kecil, saya mengalami sakit dan gatal-gatal pada telinga kiri. Saya menangis akibat kesakitan dan kegatalan pada setiap malam. Saya tidak dapat tidur akibat sakit telinga lalu nenek saya akan meletakkannya tangannya pada telinga kiri saya. Saya mempunyai keupayaan pendengaran yang sedikit pada telinga kiri, jadi saya mencondongkan muka saya ke arah bunyi. Namun begitu, saya tidak dapat mengambil sebarang rawatan perubatan akibat keadaan kewangan dan hidup dengan hanya cuba bertahan.

Pada tahun 1994, saya telah dibimbing oleh Tuhan untuk mendaftarkan diri di Gereja Pusat Manmin. Setiap kali saya menghadiri ibadat, saya telah menyaksikan dan mendengar begitu banyak kesaksian daripada orang yang telah disembuhkan daripada pelbagai penyakit melalui doa Pastor Kanan Jaerock Lee. Terlintas dalam fikiran saya bahawa saya juga akan disembuhkan. Sementara itu, saya menerima doa Pastor Kanan dengan iman lalu kesakitan telinga saya hilang dengan serta-merta!

Saya berasa sangat gembira kerana telinga kiri saya telah sembah dan keupayaan pendengaran saya telah dipulihkan. Hal ini menanamkan iman rohani di dalam hati saya.

Selepas itu, telinga kiri saya terasa gatal lalu saya mengoreknya dengan jari. Kemudian, sesuatu yang kecil dan bulat seperti kacang hijau keluar daripada telinga saya. Sejak itu, saya tidak mengalami sebarang masalah pada telinga saya dan menjalani kehidupan yang sihat dengan rahmat Tuhan.

Pada bulan Ogos 2022, saya mengalami pekerjaan iman melalui rahmat Tuhan. Apabila saya bangun pada pagi itu, saya mengalami sakit kepala yang sangat teruk yang tidak pernah saya alami sebelumnya. Saya pergi ke hospital dan disahkan menghidap kayap.





Pada mulanya, saya mengalami sedikit rasa sakit pada bahagian yang sakit tetapi kemudian kesakitan itu merebak sedikit demi sedikit. Seminggu kemudian, sesuatu yang lembik seperti sista terbentuk pada bahagian yang terjejas lalu saya merasakan sakit yang mencucuk-cucuk. Kesakitan itu begitu teruk sehingga saya terpaksa berhenti bergerak pada kedudukan itu tanpa berbuat apa-apa.

Ketika berdoa dengan bersungguh-sungguh, saya mencari sebab saya tidak dapat dilindungi mengikut kehendak Tuhan. Saya teringat bahawa saya pernah bergaduh dengan suami saya dengan suara yang kuat. Saya bertaubat daripada kesalahan saya pada masa lalu dengan pertolongan Roh Kudus. Saya juga bersungguh-sungguh berdoa untuk mencapai hati yang baik dan berlatih untuk mentaati firman Tuhan.

Beberapa hari kemudian, saya menerima doa Pemangku Pastor Kanan Soojin Lee lalu kesakitan yang sangat mencucuk-cucuk itu hilang dengan serta-merta, dengan sedikit kesakitan masih tinggal. Dua hari kemudian, rasa sakit yang sedikit itu hilang dan sista itu juga hilang. Saya sembah sepenuhnya daripada kayap.

Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Bapa kita yang agung yang telah menyelesaikan semua masalah saya.

Contoh buku Dr. Jaerock Lee



 URIM BOOKS